



20 JAN, 2023

## Bernas paling berintegriti

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

**Kuala Lumpur:** Syarikat Padiheras Nasional Berhad (Bernas) dinobatkan sebagai penerima Platinum dalam Anugerah Integriti, Gubernans dan Anti Rasuah (AIGA) 2022 yang julung kali dianjurkan Institut Integriti Malaysia (IIM).

Kategori Platinum dipilih daripada lima penerima Anugerah Emas utama yang mendapat markah tertinggi iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Bernas, Johor Port Berhad, Tenaga Nasional Berhad dan Northport Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif

## Bernas paling berintegriti

IIM Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi berkata, pihaknya buat julung kalinya memperkenalkan AIGA di peringkat kebangsaan sebagai satu mekanisme untuk mengukur komitmen, usaha, keberkesanam inisiatif integriti dan tata kelola dalam organisasi.

Menurutnya, sebanyak 166 penyertaan daripada organisasi merangkumi sektor awam dan swasta di seluruh negara diterima.

"Daripada jumlah itu, se-

banyak 92 organisasi terpilih menerima anugerah yang merangkumi 16 anugerah emas, perak (34), gangsa (42)," katanya.

Pada majlis itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof menyampaikan Piala Platinum kepada Pengarah Urusan Kumpulan Bernas Datuk Haris Fadzilah Hassan di Auditorium IIM, di sini, malam kelmarin.

Katanya, penganjuran AIGA akan menjadi acara tahunan IIM dengan kriteria

penilaian akan sentiasa ditambahbaik pada tahun akan datang.

"AIGA juga berupaya menyokong agenda ke-16 dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang menyasarkan antara lain mengurangkan sebahagian besar suapan dan rasuah dalam pelbagai bentuk.

"Sekali gus membangunkan institusi yang efektif, bertanggungjawab dan telus di semua peringkat menjang 2030," katanya.



HARIS FADZILAH pada majlis AIGA 2022 di Institut Integriti Malaysia.  
- Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH